UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 115

AKTA NOTARI AWAM 1959

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Notaries Public Act 1959. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sahih di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

AKTA NOTARI AWAM 1959

Pertama kali diperbuat	1959 (Ordinan No. 41 tahun 1959)
Disemak	1973 (Akta 115 m.b.p. 1 Ogos 1973)

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1995
Cetakan Semula Yang Kedua 2000

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 115

AKTA NOTARI AWAM 1959

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Pelantikan notari awam
4. Keistimewaan notari awam
5. Salah laku notari awam
6. Penalti kerana menjalankan fungsi notari awam oleh orang yang tidak diberi kuasa
7. Kaedah-kaedah
8. Kecualian
9. Pemansuhan dan peruntukan peralihan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 115

AKTA NOTARI AWAM 1959

Suatu Akta yang berhubungan dengan notari awam.

[*Semenanjung Malaysia—1 Oktober 1959, Ord. 41 tahun 1959; Sabah dan Sarawak—18 Mac 1965, L.N. 98/1965*]

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Notari Awam 1959.

*Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh atau di bawah Akta ini;

"Majlis Peguam" ertinya majlis pusat Bar Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 47 Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*];

"notari awam" ertinya seseorang yang telah dilantik sebagai notari awam di bawah seksyen 3 tetapi tidak termasuk mana-mana orang yang pelantikannya telah dibatalkan di bawah seksyen 5;

"Peguam Besar Negeri" ertinya Peguam Besar Negeri, Sabah, atau Peguam Besar Negeri, Sarawak, mengikut kehendak keadaan;

"tempat amalan" ertinya wilayah atau bahagiannya yang di dalamnya seseorang itu dilantik untuk menjalankan amalan sebagai notari awam di bawah seksyen 3.

**CATATAN*—Bagi pemakaian ke Sabah dan Sarawak–*lihat* L.N. 98/1965.

Pelantikan notari awam

***3.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), Peguam Negara boleh, dari semasa ke semasa, melantik orang yang layak dan sesuai menjadi notari awam untuk menjalankan amalan, di dalam Semenanjung Malaysia atau Sabah atau Sarawak atau mana-mana bahagian daripada wilayah itu bagi apa-apa tempoh sebagai mana yang dinyatakan dalam pelantikan itu.

(1A) Walau apa pun mana-mana undang-undang lain yang berlawanan, jika mana-mana orang telah dilantik menjadi notari awam sebelum subseksyen ini mula berkuat kuasa dan tiada tempoh dinyatakan dalam pelantikan itu, pelantikan itu hendaklah terhenti berkuat kuasa apabila tamat tempoh dua tahun dari tarikh subseksyen ini mula berkuat kuasa.

(1B) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1A) boleh ditafsirkan sebagai menghalang pelantikan semula di bawah subseksyen (1) mana-mana orang yang pelantikannya telah terhenti berkuat kuasa menurut subseksyen (1A), dan tiap-tiap pelantikan semula sedemikian hendaklah disifatkan sebagai suatu pelantikan baru.

(2) Tiada seorang pun boleh dilantik menjadi notari awam melainkan jika dia seorang peguam bela pengamal atau seorang plider yang dilesenkan di bawah Enakmen Plider dan Penulis Petisyen Negeri Terengganu [*Tr. 59 tahun 1356*] dan yang telah dilesenkan sedemikian sebelum 1 Januari 1956:

Dengan syarat bahawa di mana-mana tempat yang tidak ada peguam bela yang sesuai untuk dilantik, Peguam Negara boleh, menurut budi bicaranya, melantik seseorang pegawai awam menjadi notari awam, dan apa-apa fi yang diterima oleh pegawai awam yang dilantik sedemikian berkenaan dengan fungsinya sebagai notari awam hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

(3) Peguam Negara tidak boleh membuat apa-apa pelantikan di bawah seksyen ini tanpa berunding dengan Majlis Peguam atau, berhubung dengan Sabah atau Sarawak, tanpa berunding dengan Peguam Besar Negeri.

(4) Apabila membuat apa-apa pelantikan di bawah seksyen ini Peguam Negara hendaklah mengambil perhatian bilangan notari awam yang sedia ada menjalankan amalan di tempat pemohon bercadang untuk menjalankan amalan dan kepada kemudahan

---

**CATATAN*—Bagi pemakaian ke Sabah dan Sarawak–*lihat* L.N. 98/1965.

penduduk tempat itu, tetapi, tertakluk kepada apa yang disebut terdahulu, Peguam Negara hendaklah mempunyai budi bicara mutlak dalam membuat atau enggan membuat apa-apa pelantikan sedemikian dan tiada rayuan boleh dibuat terhadap keputusannya.

(5) Jika ternyata pada Peguam Negara atau, jika tempat amalan di Sabah atau Sarawak, pada Peguam Besar Negeri, bahawa mana-mana notari awam hampir akan meninggalkan tempat amalannya bagi tempoh yang melebihi satu bulan, Peguam Negara atau Peguam Besar Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh melantik mana-mana orang, yang menjadi peguam bela pengamal, menjadi notari awam untuk sementara semasa ketiadaan notari awam itu.

(6) Tiada pelantikan sementara notari awam boleh berkuat kuasa bagi tempoh yang lebih daripada dua belas bulan dan mana-mana pelantikan sedemikian hendaklah luput dengan kematian atau kembalinya ke tempat amalannya notari awam yang kerana pemergiannya pelantikan itu dibuat.

(7) Tiap-tiap pelantikan di bawah subseksyen (1) atau (5) dan keluputan tiap-tiap pelantikan sementara di bawah subseksyen (6) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Keistimewaan notari awam

4. (1) Tiap-tiap notari awam hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan di tempat amalannya segala kuasa dan fungsi yang biasanya dijalankan oleh notari awam di England*:

Dengan syarat bahawa, kecuali bagi maksud subseksyen (2) dan setakat yang perlu untuk melaksanakan subseksyen itu, kuasa itu tidak termasuk kuasa untuk mengendalikan sumpah atau ikrar berkaitan dengan apa-apa afidavit atau akuan berkanun yang disempurnakan bagi maksud digunakan di mana-mana mahkamah atau tempat di dalam Malaysia, atau untuk mengambil atau mengakusaksikan apa-apa afidavit atau akuan berkanun itu.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan kuasa dan fungsi yang diberikan oleh subseksyen (1), seseorang notari awam boleh—

(a) mengendalikan apa-apa sumpah atau ikrar berkaitan dengan apa-apa afidavit atau akuan berkanun yang disempurnakan—

(i) bagi maksud mengesahkan atau membuktikan penyempurnaan wajar apa-apa dokumen;

**CATATAN*—Suatu catatan tentang kuasa dan fungsi yang biasanya dijalankan oleh notari awam di England boleh didapati di muka surat 1119 Jld. 23 Edisi Ke 3 *Halsbury's Statutes of England.*

(ii) oleh mana-mana nakhoda atau anak kapal apa-apa vesel berkenaan dengan apa-apa perkara mengenai vesel itu; atau

(iii) bagi maksud digunakan di mana-mana mahkamah atau tempat di luar Malaysia,

dan boleh mengambil atau mengakusaksikan apa-apa afidavit atau akuan berkanun itu; dan

(b) mempunyai dan menjalankan apa-apa kuasa atau fungsi lain yang ditetapkan.

Salah laku notari awam

5. Jika ternyata pada Peguam Negara atau dalam hal sesuatu pelantikan sementara di Sabah atau Sarawak, pada Peguam Besar Negeri, bahawa mana-mana orang yang menjadi notari awam—

**(a)* telah dipotong namanya daripada daftar peguam bela atau terhenti dilesenkan sebagai plider di Negeri Terengganu, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

(b) telah menjalankan apa-apa fungsi notari awam di luar tempat amalannya,

Peguam Negara atau Peguam Besar Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, dengan perintah yang ditandatangani sendiri olehnya, membatalkan pelantikan orang itu dan hendaklah menyebabkan perintah itu disiarkan dalam *Warta*.

Penalti kerana menjalankan fungsi-fungsi notari awam oleh orang yang tidak diberi kuasa

***6.** Mana-mana orang yang menjalankan, di dalam Malaysia, apa-apa fungsi notari awam selain mengikut Akta ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan di hadapan Mahkamah Sesyen di Semenanjung Malaysia atau Mahkamah Majistret Kelas Satu† di Sabah dan Sarawak boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit.

**CATATAN*—Bagi pemakaian ke Sabah dan Sarawak–*lihat* L.N. 98/1965.
***CATATAN*—Bagi pemakaian ke Sabah dan Sarawak–*lihat* L.N. 98/1965.
†CATATAN—*Lihat* seksyen 111 Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Act 92*].

Kaedah-kaedah

7. (1) Jawatankuasa Kaedah, berkenaan dengan Semenanjung Malaysia, dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak selepas berunding dengan Peguam Besar Negeri yang berkenaan, berkenaan dengan Sabah dan Sarawak, boleh membuat kaedah-kaedah—

(a) bagi panduan dan pengawalan orang yang berhak menjalankan fungsi notari awam di bawah Akta ini;

(b) untuk menetapkan fi yang kena dibayar kepada notari awam;

(c) untuk menetapkan fi yang kena dibayar oleh mana-mana orang apabila dilantik sebagai notari awam:

Dengan syarat bahawa tiada mana-mana kaedah sedemikian boleh menghendaki apa-apa fi dibayar berkenaan dengan apa-apa pelantikan sebagai notari awam yang disifatkan telah dibuat menurut subseksyen 8(1); dan

(d) yang menetapkan kuasa dan fungsi notari awam.

(2) Segala kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta* Persekutuan atau *Warta* Negeri Sabah atau Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan.

***Kecualian**

8. (1) Mana-mana orang yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini berhak di sisi undang-undang untuk menjalankan amalan sebagai notari awam di dalam Semenanjung Malaysia atau mana-mana bahagiannya (selain seseorang yang berhak menjalankan amalan sebagai notari awam di Negeri Johor menurut seksyen 4 Ordinan Notari Awam 1947 [*Ord. 47 tahun 1947*]) hendaklah disifatkan telah dilantik sebagai notari awam mengikut Akta ini untuk menjalankan amalan sebagai notari awam di dalam Semenanjung Malaysia atau (jika dia berhak menjalankan amalan hanya di dalam suatu bahagian Semenanjung Malaysia) di dalam bahagian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) (*Ditinggalkan*).

**CATATAN*—Bagi pemakaian ke Sabah dan Sarawak–*lihat* L.N. 98/1965.

(3) Nama tiap-tiap orang yang disifatkan telah dilantik sebagai notari awam menurut subseksyen (1) hendaklah, dalam tempoh tiga bulan dari mula berkuatkuasanya Akta ini, atau suatu tempoh yang lebih lanjut yang dibenarkan oleh Peguam Negara dalam apa-apa hal tertentu, disiarkan dalam *Warta*; dan penyiaran itu hendaklah menjadi keterangan konklusif bagi hak tiap-tiap orang itu untuk menjalankan amalan sebagai notari awam di bawah seksyen ini.

***Pemansuhan dan peruntukan peralihan**

9. (1) Ordinan Notari Awam 1947 dimansuhkan.

(2) Walaupun Ordinan tersebut dimansuhkan apa-apa kaedah yang dibuat di bawahnya dan berkuat kuasa sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, setakat yang ia selaras dengan Akta ini, disifatkan telah dibuat di bawah Akta ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau dimansuhkan oleh kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini, dan hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki selainnya, terpakai dan berkuat kuasa di seluruh Semenanjung Malaysia.

**CATATAN*—Bagi pemakaian ke Sabah dan Sarawak–*lihat* L.N. 98/1965.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 115

AKTA NOTARI AWAM 1959

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 14/1960	Akta Notari Awam (Pindaan) 1960	30-05-1960
Akta 7/1961	Akta Notari Awam (Pindaan) 1961	01-06-1961
P.U. 98/1965	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Notari Awam) (Peluasan dan Pengubahsuaian) 1965	18-03-1965
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
P.U. (A) 357/1980	Perintah Akta Mahkamah Rendah (Peluasan) 1980	01-06-1981
Akta A501	Akta Notari Awam (Pindaan) 1980	01-08-1991
Akta A885	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1994	24-06-1994
Akta A992	Akta Notari Awam (Pindaan) 1997	27-06-1997

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 115

AKTA NOTARI AWAM 1959

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa yang meminda	Berkuat Kuasa dari
3	Akta 14/1960 Akta A501 Akta A992	30-05-1960 01-08-1991 27-06-1997
4	Akta 7/1961	01-06-1961
5	Akta 14/1960	30-05-1960
6	Akta 160	29-08-1975
7	Akta 7/1961 Akta A885	11-06-1961 24-09-1994